

Anggota PKM mengemukakan beberapa syarat

# '500 pengganans komunis akan serah diri'

**BANGKOK, Ahad** — Seramai 500 orang pengganans komunis termasuk anggota Parti Komunis Malaya akan menyerah diri beramai-ramai kepada kerajaan Thailand di Wilayah Pattani, selatan negara itu kata akhbar 'The Bangkok Post' hari ini.

Akhbar itu memetik seorang jurucakap Markas Operasi Keselamatan Dalam Negeri, Kol Vichien Sundaraks sebagai berkata penyerahan diri beramai-ramai akan berlaku pada 27 dan 29 September.

Kumpulan itu dipercayal terbesar dari selatan negara itu yang berpaling tadah kepada kerajaan Thailand walaupun kumpulan lebih besar dari itu di timur laut pernah berbuat demikian.

Akhbar itu juga memetik sumber sumber bahawa para pegawai markas itu sedang berunding syarat-syarat yang membolehkan anggota kumpulan marxist-leninist itu menyerah diri.

Anggota PKM yang diharuskan itu menjalankan kegiatan mereka di sepanjang sempadan Malaysia-Thai dan belum pernah menyertai dalam sebarang penyerahan diri di bawah program pengampunan kerajaan Thailand yang telah berjaya menarik ramai anggota Parti Komunis menyerah diri kepada kerajaan.

Akhbar itu berkata anggota PKM yang mahu menyerah diri membuat jaminan bahawa mereka tidak akan diserahkan kepada pihak berkuasa di Malaysia.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Sukar

Tetapi pihak berkuasa Thai mendapati sukar untuk memberi segala kemudahan kepada anggota Parti Komunis dari Malaysia seperti yang diberikan kepada rakyat negara mereka.

Akhbar itu menjelaskan para pegawai kerajaan Thailand juga bimbang dengan membebaskan mereka tinggal di negara Thai boleh menyulitkan penduduk kampung negara itu.

Sementara itu, Kol Thanmarak Issarangkum, jurucakap Pasukan Tentera Keempat yang meliputi wilayah-wilayah selatan berkata pihak tentera belum mendapat bukti bahawa anggota Parti Komunis Thailand telah membebaskan markas mereka dari utara Thailand ke Surin Thani, di bahagian selatan.

Katanya pasukan kerajaan mendapati tentangan lemah dari mereka semasa melancarkan serangan ke beberapa kubu komunis di wilayah itu minggu lalu. Ber-nama.